

SUKIPT

UKM. BANGI • 2018

AHAD, 4 FEBRUARI 2018

ISSUE 3



Drama di Hari Pertama Taekwondo

Oleh Ahmad Nabil Rosedi

UKM, BANGI - Atlet taekwondo Universiti HELP mencipta kejutan selepas mencatat kemenangan berganda dengan muncul juara kategori Poomsae berkumpulan lelaki dan wanita, menundukkan juara bertahan tiga edisi SUKIPT sebelum ini, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Bagi kategori lelaki, trio Universiti HELP yang dianggotai Loke Wai Long, Low Hing Jac dan Goh Zheng merangkul emas selepas mencatat 7.1 mata, meninggalkan trio UMS yang diketuai Bernice Bernard Megol yang mencatat 7.04 mata. Manakala trio Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) Yap Khim Wen, Liew Shwu-Jenn dan Liew Shwu-Tinn ditangga ketiga.

Tuaian emas Universiti HELP di gelanggang taekwondo diteruskan trio Yap Khim Wen, Liew Shwu-Jenn dan Liew Shwu-Tinn yang mengungguli acara poomsae wanita setelah mencatat 7.33 mata, selesa meninggalkan trio UMS yang hanya mampu mencatat 6.65 mata, manakala Universiti Sains Malaysia (USM) sekadar berpuas hati dengan pingat gangsa.

Yap Khim Wen yang pernah mewakili negara di Sukan SEA 2017 lalu, terus menyumbangkan emas bagi kategori individu wanita dengan pungutan 7.94 mata, hampir dikejar Chew Pek Wen, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan 7.69 mata dan Cheong Pui Kei, UMS hanya mampu melihat dengan 7.4 mata.

Pencapaian HELP Universiti setakat ini masih belum cukup untuk memadamkan kemarau emas dan Goh Zheng Yang, 27 masih belum berpuas hati dan berharap agar pencapaian yang sama diteruskan lagi rakan sepasukannya.

"Kami gembira dengan pencapaian kami setakat ini namun masih lagi belum selesa dan kami berharap atlet-atlet Universiti HELP juga terus menyumbang emas untuk sukan-sukan yang lain", katanya.

Kemarau emas bagi UMS ditebus kembali oleh Ifa Husna Saiful dan Ahmady Radi dengan mendahului 7.52 mata bagi kategori poomsae berpasukan campuran, yang hampir direntap oleh Brian Yam Ju Seng dan Chew Pek Wen, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan 7.48 mata dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dengan 6.9 mata.

SIDANG REDAKSI

JAWATAN KUASA MEDIA, BULETIN, DAN PUBLISITI

PENASIHAT I
EN. TONY AZMAN HASSAN

PENASIHAT II
EN. PULKAN RAMLI

PENYELARAS
PIL. ZULFI AWATI ZULNIK

KETUA EDITOR
EN. AHMAD FA SAI MOHAMMED ELAH

KETUA WARTAWAN
ABD. HADI CHE AWANG

PEREKA GRAFIK
MULIS AZLAN
SHAHMIN AHMAD
YUSRI ALFID
NORSYAIKA

EDITOR
PIL. NURUL AISHAH ABD. RAMAN
EN. IMRAN KARNAN MAJLAN
EN. HAFIZ BAI AROM

EDITOR FOTO
HAIRI DANIAL

PENYELARAS PETUGAS MEDIA
K-AIRUL HANIM

UPM Ungguli Recurve Lelaki



Oleh: Abdul Hadi Che Awang

memanah recurve lelaki dalam aksi yang berlangsung di Stadium Pavilion, UKM.

Bagaimanapun Alif Adha diberikan tentangan sengit pemanah Kolej Komuniti Malaysia, Mohamad Amir Imran selepas kedua-duanya hanya dibezakan dengan dua mata sebelum Alif Adha mengumpul 614 mata keseluruhan untuk merangkul emas manakala Amir Imran, perak.

UKM, BANGI - Atlet memanah recurve Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd Alif Adha Hassan menepati ramalan selaku pilihan dengan memenangi emas acara

Seorang lagi pemanah UPM, Nazir Omar sekadar berpuas hati dengan pingat gangsa selepas mengumpul 606 mata.

Panahan **EMAS** Aqilah Buat UiTM

Oleh : Abdul Hadi Che Awang

UKM, BANGI - Pemegang rekod kebangsaan acara recurve wanita, Nur Aqilah Yusof tidak berdepan masalah besar untuk menyumbang pingat emas sulung buat kontinjen Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi SUKIPT 2018.

Aqilah yang juga atlet SUKMA Terengganu mencatat 581 mata untuk memenangi emas meninggalkan pemanah Universiti Putra Malaysia (UPM), Ang Ming Shan di tempat kedua manakala Shaerra Ezzaty Saffuan daripada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA), ketiga sekalipun terikat 568 mata dengan Ming Shan.

“Semestinya saya berbangga untuk menjadi individu yang menyumbang emas pertama untuk kontinjen UiTM memanah ini kali pertama saya menyertai SUKIPT sebagai atlet UiTM.

“Saya juga ingin menzahirkan rasa terima kasih buat jurulatih, rakan sepasukan dan pihak pengurusan UiTM yang sentiasa memberi dorongan dan semangat kepada saya dalam untuk menghadapi kejohanan ini”, ujarnya.

Nur Aqilah meraih 581 mata selepas melakukan 72 panahan mengatasi atlet UPMserta UniZA sebagai pemenang perak dan gangsa.



Foto Oleh Nurul Nadzirah

10 Rekod Baharu di Kolam Renang

Oleh Nur Atikah Abd Hamid &
Nurul Zahirah Zaidin

BUKIT JALIL - Baru hari pertama dipertandingkan, acara renang SUKIPT 2018 telah memahat 10 rekod baru kejohanan dipecahkan, dengan lima daripada 14 pingat yang dipertandingkan digondol oleh Universiti Taylor's.

Tambah menarik, tiga daripada pingat emas yang dimenangi Taylor's merupakan rekod baharu kejohanan menerusi acara 1500 meter gaya bebas lelaki, 800 meter rampaian lelaki dan 4x200 meter gaya bebas berganti-ganti lelaki.

Perenang kebangsaan, Yeap Zheng Yang memulakan penguasaan Taylor's dalam acara 1500 meter gaya bebas lelaki dengan mencatat 16 minit 19.78 saat mengatasi rekod lama, 18 minit 19.88 saat yang dicipta pada SUKIPT 2016. Manakala Jordan Yip Zhu Ern turut menghadihkan emas buat Taylor's dalam acara 400 meter rampaian lelaki menerusi catatan 4 minit 36.97 saat bagi mengatasi rekod yang lama, 4 minit 49.57 saat yang dicatat pada SUKIPT 2014.



Erika Kong menambah pungutan emas Taylor's di Pusat Akuatik Nasional Bukit Jalil dengan mengungguli acara 50 meter kuak dada wanita sementara kuartet 4x200 meter gaya bebas berganti-ganti lelaki yang turut dianggotai Yeap Zheng Yang melengkapkan hari cemerlang Taylor's dengan sumbangan emas kelima.

Sementara itu seorang lagi perenang kebangsaan yang mewakili Universiti Putra Malaysia, UPM, Angela Chui Fei Chieng, turut memenangi emas dalam acara 800 meter gaya bebas wanita sebelum beliau dikejutkan dalam acara 100 meter kuak kupu-kupu wanita yang dimenangi perenang Universiti Teknologi MARA, UiTM, Asmalia Filzati Redzuan yang juga perenang termuda dalam saingan SUKIPT 2018.

Asmalia Cipta Kejutan di Kolam Renang

Oleh Ruhaida Razali &
Abdul Hadi Che Awang

BUKIT JALIL - Perenang Universiti Teknologi MARA (UiTM), Asmalia Filzati Redzuan membuktikan pembabitan beliau buat kali pertama bagi SUKIPT bukan penghalang untuknya bagi menyinar dalam temasya dwitahunan ini.

Beliau yang merupakan pelajar Asasi Kejuruteraan UiTM Dengkil meraih dua pingat emas dalam acara 100 meter kuak kupu-kupu wanita dan 200 meter acara bebas wanita.

Asmalia yang juga perenang termuda dalam saingan SUKIPT 2018 turut memecahkan rekod



catatan masa SUKIPT terdahulu milik Joanita Mutiara Hapsri dalam acara 100 meter dengan mencatat 1:05:88 minit.

Selain itu, bagi acara 200 meter Asmalia turut memecahkan rekod perenang UiTM, Katriana Mella Gustianjani dengan catatan rekod baru acara tersebut iaitu 2:10:47 minit.

Lensa SUKIPT

UKM BANGI • 2018





UiTM FC Catat Kemenangan Sulung



Oleh Ain Nadhirah

USIM, NILAI – UiTM FC tidak berdepan masalah besar untuk mencatat kemenangan pertama dalam acara bola sepak selepas menewaskan Universiti Malaya, 2-0.

Muhammad Fahmi Sabri membuka tirai jaringan pada minit ke 17 sebelum Mohd Hakim Ismail menambah jaringan, 8 minit selepas itu sekaligus menghadihkan 3 mata buat UiTM FC.

Keputusan perlawanan lain menyaksikan UiTM Pahang sekadar seri 1-1 dengan UiTM Perlis manakala Universiti Pendidikan Sultan Idris, UPSI turut mengutip tiga mata dengan menewaskan Universiti Multimedia, MMU, 2-1.



IT'S THREE FOR **HELP** UNIVERSITY

UKM, BANGI - HELP University taekwondo team surprise the crowd after conquering multiple medals in Poomsae category by beating the undisputed champion of three SUKIPT edition, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Poomsae category favourite, UMS superstar, Ahmady Rady failed to live out crowd expectation after fall to Monash University, Jin Kun Yong. Yong retain his 2016 title with the first gold medal for Monash after setting high 7.93 points leaving Ahmady second for silver medal at 7.52 points and Universiti Putra Malaysia athlete, UPM, Brian Yam Ju Sheng for bronze.

HELP University trio lead by Loke Wai Long, Low Hing Jac and Goh Zheng Yang bagged second gold medal for men category after setting 7.1 point beating UMS trio of Bernicel Bernard Megol for silver with 7.04 point while Technical University Malaysia, UTeM trio lead by Yap Khim Wen, Liew Shuw-Jenn and Liew Shwu-Tiinn claiming bronze.

Let's Play @ SUKIPT 2018

Oleh Nurul Hanisah Binti Baharin

UKM, BANGI – Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2018 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kali ini turut diserikan dengan kehadiran rakan penaja yang sama-sama menjayakan sukan dwitahunan itu. Antaranya Let's Play Performance yang tampil mempromosikan koleksi barangan mereka yang terdiri daripada pakaian dan beg.

Mungkin ada yang baharu mengenali Let's Play, namun mereka mula dikenali melalui Sukan Malaysia Indonesia (SUKMALINDO) 2017 dan telah berada di pasaran lebih daripada dua tahun.

“Kami melihat SUKIPT 2018 kali ini sebagai satu batu loncatan dan juga strategi pemasaran bagi mempromosikan lagi jenama Let's Play dalam institusi pendidikan tinggi”, ulas Encik Azam Danial, selaku eksekutif pemasaran bagi Let's Play, yang turut membuka gerai jualan di Dataran Panggung Seni UKM.



Bagi edisi SUKIPT 2018, Let's Play menaja sebanyak 4000 helai baju sukarelawan yang menyertai SUKIPT 2018. Beberapa kontinjen turut menggunakan jenama ini sebagai pakaian rasmi antaranya termasuklah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

MSU, UM Kuasai Hari Pertama Boling



Oleh Khairunnisa Ismail

PUTRAJAYA - Victoria Chin Quan Weoi mengahdiahkan emas buat Universiti Malaya, UM dalam acara boling individu wanita selepas mencatat 1317 jatuhan pin menewaskan rakan sepasukan, Nora Lyana Nastasia Norkamal yang sekadar

mencatat 1278 jatuhan pin, manakala Alia Nadhira Azmi yang mewakili Universiti Pendidikan Sultan Idris, UPSI ketiga.

Universiti Sains dan Pengurusan, MSU turut ceria di hari pertama SUKIPT selepas Jufri Safwan Jone-di mengungguli acara boling individu lelaki dengan mengumpul 1420 jatuhan pin bagi merangkul emas, meninggalkan atlet UiTM, Wan Syahmi Razin Wan Rohadi yang sekadar mengumpul 1327 jatuhan pin manakala atlet Universiti SEGi, Muhammad Mubin Murzany di tempat ketiga bagi membawa pulang pingat gangsa.

JADUAL ACARA SUKAN

4 FEBRUARI

	9.00 am BOLING WANGSA BOWL, IOI PUTRAJAYA	8.00 am PETANQUE GLG PETANQUE, KOLEJ KERIS MAS, UKM	9.00 am RENANG PUSAT AKUATIK NASIONAL BUKIT JALIL	8.30 am BOLA TAMPAR DEWAN GEMILANG, UKM
8.00 am BOLA TAMPAR PANTAI GLG BOLA TAMPAR PANTAI, UKM	8.30 am HOKI'S 6 GLG FUTSAL UKM	8.30 am LAWN BOWLS KOMPLEKS SUKAN LAWN BOWLS SEREMBAN 2, N.SEMBILAN	8.30 am SOFBAL GLG SOFBAL UKM	8.30 am TENIS GLG TENIS, UKM
8.30 am BOLA SEPAK STADIUM;- UNITEN MMU USIM UPM	8.00 am TAEKWONDO DTAMS, UKM	8.30 am SEPAK TAKRAW GLG SEPAK TAKRAW, UPM	9.00 am PING PONG DTAMS, UKM	8.00 am MEMANAH STADIUM PAVILLION, UKM

PUNGUTAN PINGAT

B/L.	PASUKAN	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
1	TAYLOR'S UNIVERSITY	5	4	1	10
2	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	3	5	5	13
3	SUNWAY UNIVERSITY	3	3	4	10
4	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	3	2	2	7
5	HELP UNIVERSITI	3	0	1	4
6	UNIVERSITI MALAYSIA SABAH	1	3	1	5
7	UCSI UNIVERSITY	1	1	0	2
8	MONASH UNIVERSITY	1	0	0	1
9	UNIVERSITI MALAYA	1	0	0	1
10	INTI IN'L COLLEGE SUBANG	0	1	4	5

*PUNGUTAN PINGAT SEHINGGA PUKUL 6 PETANG SEMALAM